



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2017/2018**

NAMA KURSUS	:	REKABENTUK FASILITI KATERING
KOD KURSUS	:	BBK 47303
KOD PROGRAM	:	BBC
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2017 / JANUARI 2018
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

TERBUKA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

- S1** (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pelan konsep?
(3 markah)
- (b) Berikan saiz dan kecerunan yang sesuai bagi laluan kerusi roda (*ramp*) ke restoran untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU).
(4 markah)
- (c) Senaraikan kelengkapan yang perlu ada bagi ruang pemunggahan dan perkhidmatan.
(8 markah)
- (d) Pertimbangan ergonomik sangat penting untuk keselesaan pengguna. Jelaskan apakah rekabentuk yang perlu diambilkira berkaitan nilai ergonomik untuk keselesaan pelanggan di restoran.
(10 markah)
- S2** (a) Berikan alasan kenapa sistem pembetungan perlu diselenggarakan dalam bahagian operasi restoran.
(5 markah)
- (b) “Tumpahan minyak telah berlaku di bahagian dapur restoran anda menyebabkan berlakunya kemalangan pada pekerja kerana kesan tumpahan minyak menyebabkan permukaan lantai menjadi licin walaupun telah dibersihkan. Anda ditugaskan untuk menyiasat apakah punca kemalangan tersebut. Hasil dari siasatan tersebut mendapati permukaan lantai yang digunakan tidak sesuai”.
- Berdasarkan situasi di atas, apakah jenis permukaan lantai yang digunakan dan jenis permukaan lantai yang sesuai digantikan?
(8 markah)
- (c) Terdapat banyak peralatan dapur telah rosak. Keadaan ini menyebabkan banyak kerja memasak tergendala. Bincangkan tindakan yang perlu diambil sebelum dan selepas bagi tujuan mengatasi masalah tersebut.
(12 markah)
- S3** (a) Apakah kriteria yang perlu diambilkira bagi tujuan keselamatan dan kebersihan di bahagian operasi dapur masakan? Jelaskan secara ringkas.
(10 markah)
- (b) Lakarkan satu rekabentuk susun atur dapur berserta aliran laluan yang sesuai bagi ruang kerja yang selesa. Berikan alasan kenapa susun atur tersebut dipilih.
(15 markah)

- S4** (a) Apakah perbezaan yang ada pada perisian *SketchUp* versi 5 dan 6?
(4 markah)
- (b) Bincangkan apakah kelebihan dan kelemahan yang wujud dalam perisian *SketchUp*.
(9 markah)
- (c) Berikan empat (4) jenis *construction toolbars* dalam *SketchUp* yang digunakan untuk tujuan rekabentuk pembinaan sesebuah bangunan. Jelaskan fungsi *toolbars* tersebut.
(12 markah)

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA